



**AKAUN RASMI
MEDIA SOSIAL
BERITA RTM**



Berita RTM



@beritartm



@beritartm



@beritartm



@beritartm



@BeritaRTMBES



WhatsApp
Channel
BE

TERKINI

Apabila kerja mengikut kita pulang

Ringgit dibuka tinggi berbanding mata wang utama, rendah berbanding dolar AS

PR

Paradoks produktiviti AI: Cabaran melahirkan 'dokter manusia' era digital

🕒 24/06/2026 | 4:03 PM - 👁 48 - 📁 PERSPEKTIF



Gambar hiasan/RTM

SAUDARA PENGARANG

RINGKASAN BERITA AI

Risiko kebergantungan AI melemahkan daya fikir, analisis dan intuisi klinikal, membahayakan keselamatan pesakit.

Kurikulum perlu disusun semula: Ajar kekuatan dan kelemahan AI, gabungkan AI dalam penilaian serta simulasi untuk melatih penilaian kritikal.

Kekalkan sentuhan kemanusiaan, etika dan komunikasi empati; latih pensyarah dan pelajar supaya teknologi menjadi pembantu bukan pengganti.

Amaran Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai '[Paradoks Produktiviti Kecerdasan Buatan](#)' wajar diberi perhatian bukan sahaja oleh jentera kerajaan, tetapi juga oleh dunia pendidikan, khususnya pendidikan perubatan.

Fenomena ini berlaku apabila pelaburan besar dibuat dalam AI dan digitalisasi, tetapi hasil sebenar tidak meningkat seperti yang diharapkan.

Hari ini kita lihat AI semakin banyak digunakan dalam bilik kuliah, perpustakaan, malah dalam latihan klinikal.

Namun soalan penting yang perlu ditanya ialah adakah teknologi ini benar-benar membantu melahirkan doktor yang lebih baik atau menjadikan pelajar terlalu bergantung pada mesin sehingga daya fikir mereka semakin lemah?

DISYORKAN

Apabila kerja mengikut kita pulang

EV bukan sekadar sebuah kenderaan, pemacu bandar lestari

AI di kampus: Jangan sekadar ikut arus teknologi

Paradoks Gen Z: Kehidupan di skrin buat jiwa kehilangan arah



Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya. ✕

Fenomena paradoks ini bukan perkara baharu. Pada tahun 1980-an, ahli ekonomi Robert Solow pernah menyindir bahawa kita boleh melihat komputer di mana-mana, tetapi produktiviti manusia masih sama seperti sebelum komputer dicipta.

MS

Kini, hal yang sama berlaku dengan AI. Walaupun digunakan secara meluas, peningkatan kemahiran, kreativiti dan hasil kerja tidak semestinya bertambah.

Dalam kalangan pelajar perubatan, perkara ini jelas kelihatan. Ramai yang menggunakan AI untuk menyiapkan tugas dengan cepat, tetapi apabila diajukan soalan asas secara spontan, jawapan mereka masih kabur.

Dalam dunia klinikal pula, ada doktor muda yang bergantung sepenuhnya pada sistem diagnostik berasaskan AI, tetapi mula keliru apabila pesakit mengajukan soalan tambahan yang tidak dijawab oleh skrin komputer.

Inilah bahaya terbesar paradoks ini. Kita mungkin melahirkan doktor pasif yang hanya menerima bulat-bulat cadangan daripada sistem tanpa mampu menilai sama ada ia betul atau salah.

Lebih membimbangkan, ada pelajar yang mula mengambil jalan pintas dengan menyerahkan tugas berfikir kepada teknologi AI, lalu gagal membina daya analisis sendiri.

Jika tiada bimbingan, mereka juga boleh mengabaikan isu etika seperti keputusan yang berat sebelah, risiko undang-undang, serta ancaman "halusinasi AI" (AI hallucination) iaitu keadaan di mana sistem AI menjana maklumat palsu atau tidak wujud tetapi kelihatan meyakinkan.

Dalam dunia perubatan, kesilapan maklumat akibat halusinasi data ini boleh membawa maut. Akhirnya, kita berisiko melahirkan graduan yang cekap menggunakan alat moden, tetapi lemah dalam kebijaksanaan klinikal (clinical wisdom) yang menjadi teras seorang doktor.

Apa yang gagal disediakan oleh AI ialah sentuhan kemanusiaan (human touch), empati, dan 'intuisi klinikal' (clinical gut feeling) saat berhadapan dengan pesakit yang sedang cemas dan menderita. Nilai-nilai insani ini sama sekali tidak boleh digantikan oleh mana-mana kod algoritma.

Untuk mengelakkan keadaan ini, kurikulum pendidikan perubatan perlu disusun semula. Pelajar mesti diberi pendedahan awal tentang apa itu AI, kekuatannya, kelemahannya dan risiko yang ada. Mereka perlu faham bahawa teknologi ini hanyalah alat bantu, bukan kebenaran mutlak.

Dalam sesi pembelajaran berasaskan masalah atau kes klinikal, AI boleh dijadikan sebahagian daripada senario. Sebagai contoh, sistem menghasilkan senarai diagnosis, kemudian pelajar diminta menilai sama ada cadangan itu wajar atau tidak, serta menambah diagnosis yang terlepas.

Melalui kaedah penilaian bersepadu AI (AI-integrated assessment) ini, acuan peperiksaan bukan lagi setakat melarang AI, sebaliknya menguji keupayaan pelajar untuk menyaring, mengkritik, dan memvalidasi hasil daripada AI secara kritikal.

Simulasi klinikal juga boleh menggunakan AI. Sudah ada sistem untuk bidang radiologi, dermatologi dan juga menentukan keutamaan rawatan pesakit. Pelajar perubatan boleh didedahkan dengan situasi dimana AI memberi cadangan rawatan.

Tetapi mereka mesti belajar bila perlu mempercayainya, dan bila pula perlu membuat keputusan sendiri berdasarkan pertimbangan manusiawi. Inilah kemahiran penting yang membezakan doktor yang hanya celik teknologi dengan doktor yang benar-benar bersedia menghadapi era digital.

Aspek etika dan komunikasi juga sama penting. Doktor masa depan mesti boleh menjelaskan keputusan yang dibantu oleh AI kepada pesakit dengan bahasa mudah dan penuh empati. Latihan berbentuk lakonan semula boleh membantu pelajar me



Pada masa sama, para pensyarah dan pendidik perubatan juga perlu dilatih secara berterusan bagi merapatkan "jurang digital" dengan generasi pelajar.

Pensyarah harus memahami potensi sebenar AI agar mereka dapat menggunakannya untuk memperkayakan kaedah pengajaran, bukan melihatnya sebagai satu ancaman kepada dunia akademik.

Seperti yang ditegaskan oleh Perdana Menteri, pelaburan besar dalam AI hanya akan bermakna jika memberi kesan sebenar.

Dalam pendidikan perubatan, kesannya mestilah melahirkan doktor yang bukan sahaja tahu meng

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.

Kita tidak mahu graduan yang laju menaip arahan ke dalam AI seperti ChatGPT, tetapi gagal mengesan kesilapan asas yang boleh membahayakan nyawa.

Kita juga tidak mahu doktor muda yang hilang keyakinan untuk membuat keputusan klinikal sendiri kerana terlalu percaya kepada algoritma.

MS

Jika kurikulum kita benar-benar mengambil kira cabaran ini, Malaysia berpotensi menjadi negara perintis dalam melahirkan doktor yang bersedia menghadapi era AI dengan bijaksana.

Ini adalah generasi perubatan yang akan menjadikan teknologi sebagai pembantu, bukan pengganti.

Dengan cara itu, kita bukan sahaja mengelakkan paradoks produktiviti, tetapi juga memastikan transformasi digital negara benar-benar memberi manfaat kepada rakyat.

Jika kita berjaya, Malaysia boleh menjadi contoh kepada rantau ini dalam melahirkan doktor yang celik teknologi tetapi tetap berpaksikan nilai kemanusiaan.

Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.



Dr Azril Shahreez Abdul Ghani
Pensyarah Fisiologi dan Pendidikan Perubatan
Kulliyyah Perubatan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia



Dr Wan Muhamad Salahudin Wan Salleh
Pensyarah Anatomi
Kulliyyah Perubatan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia



Kekeliruan jantina dan identiti, jangan dinormalisasi


Melayan media sosial jangan sampai 'mental'




PALING POPULAR

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.

Jet peribadi terhempas, timbalan menteri dan empat maut



Iran berjaya bedil USS Abraham Lincoln



MS

KATA KUNCI

perubatan

BERITA TERKINI



Banjir monsun di Pakistan ragut 109 nyawa, penduduk terperangkap tanpa bantuan

28 Julai 2026 10:35 am



Apabila kerja mengikut kita pulang

28 Julai 2026 10:30 am



Ringgit dibuka tinggi berbanding mata wang utama, rendah berbanding dolar AS

28 Julai 2026 10:17 am



PRN N. Sembilan: 14.31 peratus mengundi awal setakat 9 pagi

28 Julai 2026 9:40 am



Pusat mengundi awal PRN Negeri Sembilan dibuka tepat 8 pagi

28 Julai 2026 9:21 am



Tujuh bidang pengajian tarik minat belia ke IKBN Kuala Perlis

28 Julai 2026 8:59 am



Gangguan air, peluang pekerjaan antara keluhan penduduk Langkawi

28 Julai 2026 8:56 am



Gempa sederhana landa Mindanao – METMalaysia

28 Julai 2026 8:41 am



Glasgow 2026: Skuad bola keranjang 3x3 lelaki negara mara ke suku akhir

28 Julai 2026 6:31 am



Glasgow 2026: Muhammad Erry raih emas, samai kejayaan bapa

28 Julai 2026 5:44 am

MESTI BACA



Glasgow 2026: Muhammad Erry raih emas, samai kejayaan bapa

28 Julai 2026 5:44 am



MetMalaysia: Cuaca baik dijangka iringi proses undi awal PRN Negeri Sembilan

28 Julai 2026 4:41 am



PM pertimbang harga mampu milik tiket MADANI FI

27 Julai 2026 5:39 pm



EV bukan sekadar sebuah kenderaan lestari

27 Julai 2026 4:50 pm



Formula 1 GP Bahrain : Malaysia anjur percuma, hanya tanggung kos naik taraf litar Sepang

27 Julai 2026 3:25 pm



Berita Ehowal Semasa

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.

Berita RTM, Wisma Berita,
Angkasapuri Kota Media,
50614 Kuala Lumpur

☎ : +60322823119
✉ : portalberita@rtm.gov.my
✉ : Aduan & Maklum balas



Hak Cipta Terpelihara @ 2026 Radio Televisyen Malaysia, Berita Ehwal Semasa (BES)

Hak Cipta | Penafian | Polisi Keselamatan

Pihak Portal Berita RTM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan maklumat dalam laman ini.



Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.